

Bekalan kian berkurangan ekoran pertambahan penduduk

Ummum sudah mengetahui sumber air adalah amat penting dan bernilai kepada manusia. Seluruh aktiviti dan rutin kehidupan harian kita amat memerlukan kepada sumber air, seperti membasuh, memasak, membersihkan diri dan sebagainya.

Firman Allah bermaksud: "Dan Dia menurunkan air hujan dari langit, kemudian Dia mengeluarkan dengan air hujan itu pelbagai jenis buah-buahan yang menjadi rezeki untukmu. Dia juga telah menundukkan bahtera bagimu supaya bahtera itu belayar di lautan dengan kehendak-Nya, dan Dia telah pula menundukkan sungai-sungai

bagimu." (Surah Ibrahim, ayat 32).

Dewasa ini, bekalan air semakin berkurangan kerana pertambahan penduduk.

Sering kali kita terlupa bahawa elemen mensyukuri nikmat Allah ini sering diketepikan yang menyebabkan kegagalan dalam menangani krisis air.

Guna 310 liter air sehari

Sebagai bukti, satu fakta telah dikeluarkan oleh piawai antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengesyorkan kadar penggunaan air setiap individu adalah 165 liter setiap hari.

Namun, kajian terbaharu men-

unjukkan setiap rakyat Malaysia menggunakan kira-kira 310 liter air sehari.

Jadi, secara purata rakyat Malaysia terlebih menggunakan air 145 liter sehari. Sebagai perbandingan, seorang penduduk Afrika purata menggunakan hanya 50 liter seorang sehari, penduduk India 100 liter sehari, manakala Singapura 150 liter sehari.

Terdapat juga satu fakta yang dikeluarkan oleh UNESCO yang telah meramalkan bahawa pada tahun 2025, seramai 1.8 bilion warga dunia terpaksa hidup dalam keadaan ketiadaan air, malah hampir dua pertiga daripada penduduk

dunia akan menghadapi masalah kekurangan air.

Terap disiplin dalam diri

Ada pelbagai langkah dalam menangani isu masalah penggunaan air ini. Antaranya, pendidikan awal sejak kanak-kanak oleh ibu bapa agar anak-anak tahu menghargai air.

Terapkan disiplin dalam diri mereka seperti setelah membuka paip air, hendaklah menutupnya dengan ketat agar tiada air yang menitis yang boleh menyebabkan pembaziran.

Selain itu, orang ramai dijemput untuk menyahut seruan badan

kerajaan dan pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) dalam menjayakan kempen-kempen penjimatan air. Tanpa kerjasama yang jitu daripada semua pihak, langkah dalam menangani krisis air ini tidak mungkin akan berhasil.

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk sama-sama berganding bahu dalam menangani masalah penjimatan air. Sama-samalah kita menghargai air demi kemaslahatan bersama.

Sakinah Muhammad Kusrin

Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi
USIM